



Tel : 04-2615669
Fax/Tel : 04-2628664
E-mail : secretariat@penangbar.org
Website : www.penangbar.org

No. 4. Green Hall,
1st Floor,
10200 Penang,
Malaysia.

JAWATANKUASA PEGUAM PULAU PINANG PENANG BAR COMMITTEE

Criminal Law 11/20

17 Dec 2020

To Members of the Penang Bar,

Video Conferencing between Defence Counsel and Penang Prison Inmates

Members are referred to the Directive appended below dated 16 Dec 2020 from the Office of the Director of Penang Prisons with regard to Video Conferencing between Defence Counsel and Prison inmates that has been introduced to replace physical visits to the Penang Prisons due to the health and safety concerns surrounding the Covid-19 pandemic.

The said Directive provides the relevant Standard Operating Procedures (SOPs), requirements and guidelines for the Video Conferencing to be conducted between Defence Counsel and their clients in the Penang Prisons.

Members are therefore advised to take note of the information contained in the said Directive.

We invite feedback or comments from Members who have already participated in any Video Conferencing with their clients in the Prisons to enable us to address any issues of concern with the Prison authorities.

V Parthipan
Chairperson
Criminal Law Subcommittee



**JABATAN PENJARA MALAYSIA
PEJABAT PENGARAH
PENJARA NEGERI PULAU PINANG
JALAN PENJARA
10460 GEORGE TOWN
PULAU PINANG**

Telefon : 04-2299448/ 445
Faks : 04-2299446
pjb_ppnpulauptnang@prison.gov.my



No. Rujukan Kami : JP/PPG/KAM/112/4 ()

Tarikh : 16 Disember 2020

Pengerusi
Jawatankuasa Kecil Undang-Undang Jenayah
No. 4, Green Hall
1st Floor
10200 Pulau Pinang

Tuan,

**LAWATAN PEGUAM KE PENJARA SEBERANG PERAI DAN PENJARA REMAN
PULAU PINANG**

Saya dengan hormatnya, merujuk kepada perkara tersebut di atas

2. Bersama-sama ini dikemukakan tatacara dan maklumat berkaitan untuk pihak tuan mengadakan lawatan ke Penjara Seberang Perai dan Penjara Reman Pulau Pinang
3. Sebarang pertanyaan pihak tuan bolehlah menghubungi Pegawai Rekod Institusi untuk maklumat selanjutnya.

Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(PP SHIRLEY ANIK JUNGOT)
Timbalan Pengarah Penjara Negeri Pulau Pinang



MEMO
JABATAN PENJARA MALAYSIA
KOMPLEKS PENJARA SEBERANG PERAI

No. Tel : 04-5858888/ Email : praperai@prison.gov.my / No. Faks : 04-5824711

Kepada : Pengarah Penjara Negeri Pulau Pinang
Daripada : Pengarah Penjara Seberang Perai
Ruj. Fail : JP/PPG(PSP)/REKOD(L) 58/ 1 Jld. 8 ()
Tarikh : 16 Disember 2020
Perkara : **LAWATAN PEGUAM KE PENJARA REMAN PULAU PINANG
DAN PENJARA SEBERANG PERAI**

Tuan,

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk surat tuan JP/PPG/AM/124/1 (106) bertarikh 11.12.2020 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman pihak tuan, bersama-sama ini dikemukakan beberapa maklumat berkenaan:

- (a) Bagi mendapatkan temujanji, pihak tuan perlu kemukakan dahulu tarikh cadangan sidang video beserta nama banduan yang terlibat kepada pihak Penjara Seberang Perai untuk semakan awal.
- (b) Penetapan temujanji sidang video boleh dialamatkan kepada Pengarah Penjara Seberang Perai, dengan catitan untuk perhatian Pejabat Rekod Lelaki atau Wanita.
- (c) Waktu yang sesuai bagi sesi sidang video adalah diantara jam 10.00 pagi hingga jam 03.00 petang.
- (d) Had masa maksima bagi setiap sesi sidang video adalah selama 40 minit.
- (e) Aplikasi yang boleh digunakan adalah Zoom, Skype atau Microsoft Teams, dan dihoskan oleh pihak tuan. Room ID / Meeting ID / capaian link sidang video perlu dikemukakan kepada Penjara Seberang Perai setelah kedua-dua pihak bersetuju mengenai tarikh dan masa yang ditetapkan.
- (f) Sebaiknya 3 hingga 5 hari berkerja diperlukan untuk memohon temujanji sidang video.
- (g) Institusi ini akan menghubungi pihak tuan melalui telefon atau emel mengenai tarikh dan masa sidang video yang telah ditetapkan.

(h) Bilik sidang video Penjara Seberang Perai hanya boleh memuatkan 2 orang banduan sahaja pada setiap sesi. Penetapan masa yang berasingan diperlukan sekiranya banduan melebihi 2 orang.

(i) Kesemua perkara di atas tertakhluk kepada perubahan dan arahan semasa memandangkan institusi ini masih dilanda wabak covid-19.

3. Kerjasama tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.



(**PKK HJ ZULKIELI BIN ABDUL MANAH**)



**MEMO
PENJARA REMAN PULAU PINANG
JABATAN PENJARA MALAYSIA**

Kepada : Pengarah Penjara Negeri Pulau Pinang
Daripada : Pengarah Penjara Reman Pulau Pinang
No.Ruj : JP/PPG(PP)KES(PH)134/3 JLD.8(593)
Tarikh : 15 Disember 2020
Perkara : **TATACARA PENGGUNAAN SIDANG VIDEO
MENGUNAKAN "SKYPE FOR BUSINESS" ATAS URUSAN
RASMI**

Tuan,

Dengan segala hormatnya merujuk kepada surat tuan rujukan JP/PPG/AM/124/1(106) bertarikh 11 Disember 2020 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman tuan, permohonan perjumpaan banduan Penjara Reman Pulau Pinang atas urusan rasmi bagi pihak peguam, polis dan lain-lain jabatan adalah melalui sidang video "*Skype For Business*". Berikut adalah lampiran tatacara sidang video bagi institusi ini.

3. Sebarang pertanyaan bolehlah berhubung dengan pegawai pejabat rekod Inspektor Ahmad Khalil Bin Md Zainal dan Koperal Muhammad Shaiful Akmal di talian 04-2289899 ext.118/121 untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.


(PKP MOHAMAD JUSOH BIN ISMAIL)



INFORMASI LAWATAN PEGUAM/POLIS/JABATAN LAIN MELALUI SIDANG VIDEO (SKYPE FOR BUSINESS) INSTITUSI PENJARA REMAN PULAU PINANG

Penjara Reman Pulau
Pinang, 10460,Georgetown,
Pulau Pinang

04-2289899

prppng@prison.gov.my

TUJUAN SIDANG VIDEO

Langkah ini bertujuan untuk mengurangkan risiko jangkitan virus covid-19 ke atas orang awam dan banduan di dalam penjara.



TATACARA SIDANG VIDEO(SKYPE)

- ✚ Permohonan perlu dibuat terlebih dahulu melalui surat kepada institusi penjara 7 hari sebelum tarikh perjumpaan sidang video.
- ✚ Pihak peguam/polis/jabatan lain perlu membuat pengesahan pada hari ke 3 daripada tarikh surat dihantar melalui panggilan telefon ke institusi penjara sama ada permohonan diluluskan atau tidak.
- ✚ Pihak penjara akan memaklumkan tarikh ,masa ,nombor id dan kata laluan melalui aplikasi whatsapp sekiranya permohonan sudah diluluskan.

PERHATIAN

Jadual sidang video:

Hari	masa
Isnin-Jumaat	2pm-5pm

- ✚ Kecuali cuti umum dan cuti khas.
- ✚ Tempoh masa:15minit setiap banduan.

- ✚ Sila nyatakan nombor telefon bimbit yang boleh dihubungi dalam surat permohonan dan nombor telefon bimbit berikut hanya untuk urusan sidang video sahaja.
- ✚ Tarikh dan masa yang dimohon oleh pihak tuan/puan bergantung kepada kelulusan pihak atasan serta kuota yang telah ditetapkan.
- ✚ Hanya banduan yang berada di penempatan "Green Zone"dibenarkan membuat perjumpaan melalui sidang video.